


Sila semak semasa dilafazkan



UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PERASMIAN
PEMBINAAN KILANG PENGACUAN PROTON
DI SHAH ALAM, SELANGOR
PADA HARI RABU, 19HB MEI 1993
PUKUL 3.30 PETANG

Saya mengucapkan terima kasih kepada Proton kerana menjemput saya untuk merasmikan pembinaan Kilang Pengacuannya pada hari ini.

2. Saya berasa bangga di atas kegigihan Proton di dalam menyahut cabaran negara untuk membangunkan industri otomobil di negara ini. Kegigihan serta kesanggupan Proton menghadapi pelbagai cabaran haruslah dijadikan teladan kepada para pengusaha tempatan dalam usaha mereka menempa kejayaan.

3. Matlamat Kerajaan dalam menggubal Dasar Perindustrian Negara dan seterusnya menceburi bidang industri otomobil ialah untuk mempertingkatkan dan membangunkan industri ini memandangkan industri ini merupakan penggerak ke arah negara mencapai tahap sebuah negara perindustrian.

4. Apabila negara kita telah mencapai tahap pembangunan yang setaraf dengan negara-negara yang sedang maju maka barulah kita akan dapat bersaing dan mampu berdikari.

5. Di bidang industri 'automotive' khususnya, di antara projek yang telah berjaya memberi kesan yang positif ialah program pembangunan komponen tempatan yang dikendalikan oleh Proton.

Dengan terlaksananya program ini, Proton bukan sahaja dapat meningkatkan tahap kandungan komponen tempatan untuk kereta Proton Saga, malah telah membantu dan berjaya menarik pelabur-pelabur asing untuk bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha tempatan secara usahasama serta perjanjian bantuan teknikal untuk menceburi bidang industri ini.

6. Di Proton khususnya, bukan sahaja program pembangunan pembekal-pembekal telah menunjukkan kejayaan tetapi juga penglibatannya secara langsung di dalam aktiviti-aktiviti pemesinan komponen telah berjaya dilaksanakan. Kesanggupan Proton untuk menceburi bidang-bidang industri yang lebih mencabar seperti projek 'precision casting' ini haruslah dicontohi.

7. Untuk mencapai tahap sebagai sebuah pengeluar kereta yang mampu berdikari dan menghadapi persaingan di peringkat antarabangsa, adalah wajar bagi Proton untuk mempertingkatkan penglibatannya di dalam industri dan aktiviti-aktiviti hulu. Aktiviti-aktiviti pengacuan pastinya akan dapat membantu keupayaan Proton mengeluarkan kereta daripada peringkat bahan mentah yang secara langsung akan dapat mempertingkatkan lagi kandungan komponen tempatan.

8. Konsep penglibatan Proton dari setapak ke setapak ini serta program pembangunan pembekal harus dijadikan contoh kepada industri-industri lain untuk mencapai kejayaan.

9. Setiap barangan yang dikeluarkan perlulah menepati mutu yang tinggi. Tanpa mutu yang tinggi serta tahap persaingan yang setanding, pengeluaran serta barangan kita tidak akan dapat mencapai matlamatnya. Saya menyeru semua syarikat dan industri supaya mementing dan mengutamakan mutu kerana mutu akan memberi faedah di dalam jangkamasa panjang. Janganlah kita hanya memikirkan keuntungan jangkamasa pendek sahaja tanpa mengambilkira perancangan untuk kejayaan jangkamasa panjang.

10. Di samping mutu pengeluaran, syarikat tempatan perlu membuat 'linkages' dengan syarikat antarabangsa melalui usahasama atau kerjasama teknikal agar dapat meraih teknologi tinggi terkini dari negara-negara maju. Syarikat-syarikat asing melalui usahasama ini hendaklah pula berusaha memindahkan teknologi mereka dengan secepat mungkin kepada anak-anak tempatan agar mereka satu hari nanti dapat berdikari di dalam bidang masing-masing.

11. Syarikat-syarikat usahasama dari luar negara hendaklah bersikap ikhlas dan berusaha supaya keuntungan yang diperolehi melalui usahasama diasaskan kepada kecekapan dan daya saing dan tidak kepada perlindungan daripada Kerajaan. Rakan asing tetap memperolehi keuntungan daripada segi royalti. Jika Kerajaan terpaksa memberi perlindungan cukai, maka negara akan mengalami kerugian walaupun syarikat usahasama itu memperolehi keuntungan. Pihak rakan tempatan pula harus mempelajari sepenuhnya teknologi yang diperlukan dan berusaha memperbaikinya. Mereka harus menerima hakikat bahawa tidak ada sesiapa yang akan memindahkan 100 peratus teknologi ciptaan mereka. Pandai-pandailah kita menguasai dan mempertingkatkan teknologi sendiri.

13. Projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan swasta di negara ini telah membuka banyak peluang pekerjaan serta berjaya mengurangkan pengaliran keluar matawang negara. Negara kita kini telah menjadi contoh kepada negara-negara kecil yang ingin membangunkan negara mereka.

14. Sesungguhnya projek Kereta Nasional ini telahpun mencapai matlamatnya. Dengan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Lembaga Pengarah, Pengurusan dan kakitangan Proton di atas usaha gigih mereka di dalam menjayakan projek Kereta Nasional ini.

15. Penghargaan juga dipanjangkan kepada rakan kongsi dari negara Jepun iaitu Mitsubishi Corporation dan Mitsubishi Motors

Corporation di atas keikhlasan mereka melatih dan memanjangkan ilmu kepada rakyat Malaysia.

16. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pembinaan Kilang Pengacuan Proton pada hari ini.

Pejabat Perdana Menteri
Kuala Lumpur